

## Enam Elemen Aristotle Dalam Teater *Menunggu Lampu Hijau*

*Six Elements Of Aristotle In Theater Menunggu Lampu Hijau*

Nur Syafikah Binti Mohamed

<sup>1</sup>Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah

Program Persuratan Melayu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: a166056@siswa.ukm.edu.my

<sup>1</sup>nurafifah@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan enam elemen Aristotle dalam teater Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan. Teater Menunggu Lampu Hijau mula dipentaskan pada tahun 2013 dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015. Teater ini telah dipentaskan lebih tiga kali dan merupakan monodrama yang paling banyak dipentaskan berulangkali. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengupas struktur dalaman teater ini bersandarkan ‘enam elemen drama’ yang dikemukakan oleh Aristotle. Enam elemen tersebut merangkumi tema, plot, bahasa, watak dan perwatakan, muzik serta unsur kekaguman. Reka bentuk kajian ini adalah kaedah kualitatif untuk memperolehi data bagi artikel ini. Kaedah kepustakaan digunakan untuk meneliti bahan-bahan bercetak dan digital. Selain itu, kaedah analisis kandungan diaplikasi untuk meneliti sumber primer iaitu teater Menunggu Lampu Hijau yang dipentaskan di Panggung Seni, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada Oktober 2018. Hasil kajian mendapati kehadiran enam elemen yang menjadi kekuatan struktur teater ini. Sesebuah karya sastera bertunjangkan kepada tema dan plot yang sememangnya berkait rapat dengan struktur pembinaan karya sastera. Elemen bahasa, watak dan perwatakan merupakan elemen yang menggerakkan dan menyampaikan mesej dalam pementasan teater tersebut. Penggunaan muzik dan unsur kekaguman dapat membantu menarik perhatian penonton dan mempengaruhi mereka terhadap pementasan pementasan teater tersebut. Hasil kajian mendapati enam elemen tersebut dapat dirungkai secara terperinci dalam teater ini.*

**Kata kunci:** enam elemen, kritikan teater, struktur teater, monodrama, Hatta Azad Khan.

### ABSTRACT

*This research discuss about six elements of Aristotle in theatre Menunggu Lampu Hijau by Hatta Azad Khan. Theater Menunggu Lampu Hijau presented in 2013 and published by Dewan Bahasa dan Pustaka in 2015. This theatre was staged more than three times and is the most staged monodrama repeatedly. Therefore, the purpose of this research is to expose the internal structure of this drama that has ‘six element of drama’ by Aristotle. These six element include theme, plot, language, character, music and spectacle. Qualitative method become the main methodology for obtaining data for this article. Library research are used to scrutinize printed and digital materials. Besides that, content analysis method was applied to scrutinize primary sources which is theatre Menunggu Lampu Hijau at Panggung Seni, Universiti Kebangsaan Malaysia in October 2018. The result of the research found that the presence of six elements was the strength of the theater. A literature works depends on theme and plot that are related to structure of the literature masterpiece. Element of language and character are used to portray messages in the theater. Music and spectacle help to attract viewers attention and*

*being more understanding the content of the theater. The results show that six element can be solved in detail in this theater.*

**Keywords:** *six elements, theater criticism, theater structure, monodrama, Hatta Azad Khan.*

## 1. Pengenalan

Hatta Azad Khan yang dikenali sebagai dramatis sosial juga tidak melepaskan peluang untuk menceburi dunia teater. Anak kelahiran Jerteh, Terengganu pada tahun 1952 ini telah mendapat pendidikan awal di Terengganu dan pendidikan menengah di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh, Perak. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sains Malaysia dengan tempoh pengajian selama tiga tahun iaitu pada tahun 1974 sehingga 1977 dalam bidang teater, komunikasi dan seni halus. Hatta Azad Khan dikenali pada era 1970-an dalam perkembangan teater eksperimental di Malaysia. Penulis drama Malaysia mengadaptasi elemen-elemen teater tradisional dengan menyelitkan unsur-unsur moden bagi memperkayakan nilai dan identiti Malaysia dalam karya. Antara karya Hatta Azad Khan pada perkembangan drama eksperimental ialah *Kerusi* (1976), *Patung-Patung* (1977), *Mayat* (1978) dan *Stesen* (1978). Sepanjang penglibatannya dalam dunia drama, teater dan perfileman, beliau telah memenangi pelbagai anugerah di atas pencapaiannya. Antaranya ialah hadiah utama dan hadiah penghargaan bagi Peraduan Menulis Skrip Drama DBP 1976, Hadiah Sastera Malaysia Kategori Drama 1984 dan Lakon Layar Terbaik dalam Festival Filem Malaysia 1991 menerusi filem pertamanya, *Mat Som*. Beliau juga menerima Anugerah Seni Negara (Drama) pada tahun 1983. Beliau juga menerima anugerah penulisan peringkat Asia Tenggara, S.E.A Write Awards daripada kerajaan Thailand di Bangkok (Hatta Azad Khan, 2014).

Istilah monodrama digunakan untuk memberi pengertian tentang drama yang dilakukan atau dipersembahkan oleh seorang pelakon sahaja, iaitu yang mengambil bahagian atau yang menyampaikan dialog ataupun yang beraksi. Selain itu, monodrama bermaksud suatu gambaran yang bercorak dramatik yang lahir melalui fikiran seseorang individu. Istilah ini digunakan juga bagi persembahan teater atau drama muzikal yang mengemukakan pelakon solo (Safiah Hussain, 1988).

Teater Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan yang dilakukan oleh Shahrul Mizad yang membawa sebanyak tiga belas watak memainkan tiga watak utama yang penting iaitu Mohd Bukhari Ahmad Yatim, Abang Bakti dan Ahmad Yatim. Teater Menunggu Lampu Hijau dalam antologi drama OTG diterbitkan pada tahun 2015 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Teater ini telah dipentaskan lebih tiga kali dan merupakan monodrama yang paling banyak dipentaskan berulangkali antaranya di Panggung Seni Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Budaya Universiti Utara Malaysia dan ASWARA.

Aristotle berpendapat bahawa terdapat enam elemen terpenting dalam teater. Enam elemen tersebut ialah tema, plot, kekaguman, bahasa, muzik, watak dan perwatakan. Sesebuah karya sastera bertunjangkan kepada tema dan plot yang sememangnya berkait rapat dengan struktur pembinaan karya sastera. Elemen bahasa, watak dan perwatakan merupakan elemen yang menggerakkan dan menyampaikan mesej dalam pementasan teater tersebut. Penggunaan muzik dan unsur kekaguman dapat membantu menarik perhatian penonton dan mempengaruhi mereka terhadap pementasan teater tersebut. Intipati sesebuah cerita menjadi keutamaan buat pengarang dan penonton bagi menggambarkan keseluruhan cerita. Kesemua enam elemen yang akan dikupas mempunyai kepentingan tersendiri.

## 2. Sorotan Literatur

Setakat ini terdapat beberapa kajian yang menjurus kepada seni persembahan dalam teater atau drama. Namun begitu, kajian lepas yang mengaplikasikan kajian enam elemen Aristotle dalam teater agak terhad. Berikut merupakanuraian kepada kajian-kajian yang telah dilakukan.

Nizila binti Asin (2007), sarjana terawal yang membawa pendekatan pelakon dalam lontaran vokal dan ekspresi wajah watak lakonan monolog. Kajian ini adalah untuk menyampaikan mesej yang terkandung dalam skrip dan juga untuk menarik perhatian penonton yang menyaksikan persembahan ini. Lakonan monolog merupakan satu cabaran yang besar kepada pengkaji kerana berlakon bersendirian di atas pentas tanpa dibantu oleh pelakon yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh Nor Raihanah Husain (2007), penelitian dilakukan terhadap analisa skrip terhadap cerita wayang kulit Kelantan kajian skrip '*Jintan Mas*'. Penyelidikan ini lebih spesifik kepada menganalisa keseluruhan cerita seperti plot, watak, bahasa, tema, muzik dan unsur kekaguman. Beliau telah meneliti skrip *Jintan Mas* untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai cerita wayang kulit yang dianggap popular di Kelantan. Kajian ini tertumpu kepada pengkajian struktur teks dalam cerita terutamanya pembinaan plot. Pengkaji menggunakan prinsip dari buku '*The Poetics*' bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai enam elemen yang penting dalam penghasilan skrip. Walau bagaimanapun, kajian ini menfokuskan kepada wayang kulit sahaja.

Kajian perwatakan melalui ekspresi gerak sebuah tari eksperimental "Salleh Salina" sebagai kajian kes oleh Mohd Shaiful Izham bin Abdul Baseht pada tahun 2007. Kaedah "*The Method*" oleh Stanislavsky digunakan untuk mengetahui elemen-elemen teater lain seperti audio, kostum dan ekspresi wajah turut diterokai dalam menyampaikan mesej kepada penonton.

Teater eksperimental Melayu telah dihasilkan pada tahun 1980 dan 1990-an. Teater eksperimental Melayu adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri komponen yang membentuk teks-teks dramatik dan pola penstrukturannya. Fazilah Husin (2007), penelitian terhadap teater eksperimental Melayu: satu kajian bentuk dan struktur teks dramatik adalah gaya dan pendekatan yang dapat dikenal pasti termasuklah penerapan elemen seni persembahan Melayu, gabungan bentuk dan gaya bahasa moden serta tradisional, dan pengaruh aliran teater eksperimental. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpulkan data dan mengkategorikan data kemudian dianalisis menggunakan pendekatan strukrulisme. Hasil kajian mendapatkan bahawa teks-teks teater eksperimental Melayu yang dihasilkan menggunakan pelbagai gaya dan pendekatan termasuk penerapan elemen seni persembahan Melayu.

Kajian Ab Samad Kechot dan Sabzali Musa Kahn (2011), lebih menjurus kepada pengurusan artistik iaitu kajian mengenai peranan set selaku tenaga kreatif dalam seni persembahan pentas di Malaysia. Perkembangan kreativiti dan pengurusan organisasi seni persembahan pentas iaitu teater moden merangkumi perancangan rekabentuk, sumber manusia dan kreativiti dalam sesuatu pementasan.

Penelitian berikutnya ialah bertajuk Pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama muzikal Kampung Baru oleh Madzlan bin Abet pada tahun 2016. Hasil kajian mendapatkan teks drama Muzikal Kampung Baru merupakan refleksi kepada kisah benar yang berlaku. Hatta Azad Khan merupakan seorang penulis yang gemar mengangkat naskah yang berkaitan dengan kerencaman sosial masyarakat.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang dilakukan untuk mengkaji pelbagai aspek. Kajian terhadap teater Menunggu Lampu Hijau masih tiada yang dilakukan. Kajian terhadap enam elemen Aristotle terhadap teater masih tidak ramai yang lakukan lagi. Hal ini menunjukkan

bahawa enam elemen Aristotle perlu ditambah sebagai rujukan dan penambahan ilmu kepada masyarakat.

### 3. Metodologi

Pelaksanaan kajian terhadap teater Menunggu Lampu Hijau adalah diperolehi daripada kajian jenis fundamental dengan berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif. Instrumen data adalah menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian perpustakaan. Melalui kajian perpustakaan terbahagi kepada dua jenis bahan iaitu bahan yang bercetak dan bahan digital. Antara contoh bahan bercetak ialah tesis, jurnal, majalah dan buku manakala bahan digital pula terdiri daripada e-jurnal dan artikel. Kajian perpustakaan ini terdiri daripada mencari, memilih dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan topik kajian khususnya bahan-bahan yang berkaitan teori enam elemen seperti sejarah teori, prinsip-prinsip yang terkandung di dalam teori serta karya-karya yang pernah dijadikan sebagai kajian.

Melalui kaedah perpustakaan, pengumpulan data dilakukan di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Kajian ini mendorong pengkaji untuk membuat penelitian dan pemerhatian melalui proses pembacaan. Tujuannya adalah bagi memastikan kajian yang dijalankan akan memperoleh dapatan yang tepat.

### 4. Dapatan Dan Perbincangan

#### 4.1 Tema

Teater Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan mengetengahkan lebih daripada satu tema iaitu poligami, kekeluargaan dan hubungan antara suami dan isteri. Tema lebih tertumpu kepada persoalan utama yang ingin disampaikan kepada pembaca atau audiens. Proses penulisannya akan berkembang dengan adanya tambahan watak, latar dan persoalan. Penyampaian tema oleh Hatta Azad Khan juga tidak secara terus kepada audiens, malah menuntut khalayak untuk mendalami dan berfikir secara kritis mesej yang ingin disampaikan.

Terdapat tiga tema dalam teater Menunggu Lampu Hijau iaitu poligami, kekeluargaan dan hubungan suami isteri. Tema poligami dapat dilihat pada watak Ahmad Bakti yang mempunyai empat orang isteri iaitu Norma, Habibah, Rozita dan Rugayah dalam masa tempoh setahun.

Ahmad Bukhari: ... Dan “jan” yang berjaya memecahkan teruna abang pada malam pertama adalah seorang ibu tunggal yang baru berusia 26 tahun dengan dua orang anak kecil berusia tiga dan lima tahun. Dan selepas perkahwinan pertama, abang meneruskan khidmat baktnya kepada golongan “jan” atau ibu tunggal. Dalam tempoh setahun dia mengahwini Norma Jan, Habibah Jan, Rozita Jan dan Rugayah atau Gayah Jan...

Hatta Azad Khan : 2015

Ahmad Bakti merupakan abang kepada Bukhari dalam teater Menunggu Lampu Hijau cenderung kepada golongan bermasalah dan golongan yang terpinggir. Beliau juga banyak memberi ceramah kepada ibu tunggal. Beliau mempunyai empat orang isteri iaitu Norma, Habibah, Rozita dan Rugayah dalam masa tempoh setahun.

Seterusnya, tema dalam Teater menunggu Lampu Hijau menekankan tema kekeluargaan. Yatim dan Pia merupakan ibu bapa dan mempunyai empat orang anak lelaki yang bernama Ahmad Bakti, Ahmad Bakri, Ahmad Bukhari dan Ahmad Bukhari. Seorang

suami mempunyai peranan, hak dan tanggungjawab yang besar dalam keluarga. Begitu juga dengan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anak.

Selain itu, tema hubungan suami dan isteri dapat dilihat melalui watak Ahmad Bakti dan isterinya. Hubungan Ahmad Bakti dan isterinya dipandang mulia oleh orang sekelilingnya. Meskipun dia mempunyai empat orang isteri namun hubungan antara mereka akrab antara satu sama lain. Mereka tidak menjadikan madu sebagai satu sebab untuk tidak mengenali dengan lebih mendalam malah mempunyai hubungan yang baik dan disenangi oleh orang ramai.

Kak Bib: Susah! Susah kalau dah jadi janda. Kalau kita ada kerja dan hidup berdikari nak bela anak-anak, pun ada orang kacau. Janda bertemu duda ni adalah sekali-sekala. Orang macam Abang Ti ni Cuma satu dalam sejuta.

Hatta Azad Khan: 2015

Hubungan Ahmad Bakti dan isterinya dipandang mulia oleh orang sekelilingnya. Meskipun dia mempunyai empat orang isteri namun hubungan antara mereka akrab antara satu sama lain. Mereka tidak menjadikan madu sebagai satu sebab untuk tidak mengenali dengan lebih mendalam malah mempunyai hubungan yang baik dan disenangi oleh orang ramai. Islam juga menuntut hubungan yang baik sesama sendiri dengan membawa prinsip persamaan hak antara satu sama lain.

#### 4.2 Plot

Hatta Azad Khan sebagai seorang pengarang menyusun plot teater ini menggunakan teknik secara tidak kronologi. Hal ini dapat dilihat melalui cara penceritaan teater Menunggu Lampu Hijau dalam bentuk beraspisod. Teater ini mempunyai sepuluh babak dan setiap babak boleh berdiri sebagai sebuah cerita sendiri.

Hatta Azad Khan menggunakan teknik pemerian pada bahagian pengenalan. Pengarang memulakan cerita dengan memperkenalkan watak, latar dan peristiwa serta menggunakan teknik imbas kembali beberapa kali.

AHMAD BUKHARI: Nama saya Ahmad Bukhari. Saya anak yatim piatu. Bapa saya Yatim dan nama mak bukanlah piatu. Nama mak sebenarnya Cik Sepia, dan mengikut ceritanya kawan-kawan rapat panggil dia Pia, dan kalau ada kawan baru yang belum kenal, akan bertanya “Pia mana?” “Pia tu!” Daripada jawapan itu jadilah Piatu...

Hatta Azad Khan: 2015

Selain itu, Ahmad Bukhari juga menerangkan latar belakang keluarganya yang mempunyai empat orang adik beradik yang terdiri dari semua lelaki. Keempat-empat anak lelaki Yatim dan Pia bermula dengan perkataan Ahmad. Ia dapat dilihat menerusi dialog tersebut:

AHMAD BUKHARI: Bapa memberikan nama yang cukup mudah kepada anak-anak. Semuanya bermula dengan perkataan Ahmad, anak pertama bernama Ahmad Bakti, anak kedua Ahmad Bakri, anak ketiga Ahmad Badridan saya Ahmad Bukhari, Ahmad Bukhari Yatim, atau kadang-kadang saya ringkaskan jadi Ahmad B. Yatim atau Ahmad Yatim.

Hatta Azad Khan: 2015

Pada klimaks penceritaan, bukan sahaja satu konflik yang muncul malah terdapat dua konflik yang datang secara sekaligus. Konflik berlaku apabila kematian bapa Ahmad Bukhari iaitu Yatim didatangi dengan dua orang wanita bersama anak kecil yang merupakan isteri-isteri kepada bapanya tanpa pengetahuan ahli keluarganya. Bapanya iaitu Yatim telah berkahwin sewaktu aktif dalam gerakan kebajikan Islam di Kelantan dan Selatan Siam sambil menjalankan aktiviti korban dan akikah di sana.

Konflik ini menjadi semakin rumit apabila ahli keluarga Ahmad Bukhari ingin bukti yang kukuh bahawa kedua-dua wanita tersebut merupakan isteri kepada bapanya. Peguam mencadangkan untuk menjalankan ujian DNA namun Allahyarham Pak Yatim sudah terkubur. Walau bagaimanapun, konflik ini dapat diselesaikan apabila peguam mencadangkan untuk kedua-dua isteri muda Allahyarham Pak Yatim untuk membuat akuan sumpah dengan pengesahan mahkamah. Peguam membuat draf akuan dengan memerlukan nama penuh dan alamat kedua-dua isteri muda serta salinan surat beranak anak-anak yang masih kecil itu. Hal ini untuk menyatakan bahawa pernikahan mereka secara sah dan suci. Akhirnya, konflik ini dapat diselesaikan dengan baik tanpa pengetahuan maknya, Cik Sepia.

Dalam teater Menunggu Lampu Hijau memilih pengakhiran yang gembira apabila Ahmad Bukhari berkahwin dengan Syarifah Edora. Seorang ibu tunggal yang merupakan isteri kepada rakan karibnya, Profesor Syed Mahfuz. Perkara yang tidak dijangka kerana tidak pernah terfikir soal jodoh namun ketentuan Tuhan mereka disatukan.

AHMAD BUKHARI: ...Tapi yang kelakarnya, isteri dia yang tak pernah tunggu apa-apa lampu, yang tak pernah terfikir pun soal jodoh, tiba-tiba dia pulak yang kahwin. Ya, isteri dia yang dapat suami baru, suami yang lebih muda, lebih *handsome!* Dan saya? Saya memenuhi hajat Abang Bakti, berkahwin dengan ibu tunggal tanpa perlu menunggu sebarang lampu hijau! Nak tahu siapa isteri saya? Syarifah Edora Syed Salim Barakhbah.

Hatta Azad Khan: 2015

Hatta Azad Khan dalam teater Menunggu Lampu Hijau memilih pengakhiran yang gembira apabila Ahmad Bukhari berkahwin dengan Syarifah Edora. Seorang ibu tunggal yang merupakan isteri kepada rakan karibnya, Profesor Syed Mahfuz. Perkara yang tidak dijangka kerana tidak pernah terfikir soal jodoh namun ketentuan Tuhan mereka disatukan. Professor Syed Mahfuz yang telah menunggu lama lampu hijau dari isterinya untuk berkahwin lagi namun perkara sebaliknya berlaku apabila ajal menjemputnya di pejabat. Akhirnya, hajat abangnya untuk membela nasib ibu tunggal terbela.

#### 4.3 Bahasa

Tambahan lagi, dalam elemen bahasa terdapat beberapa gaya bahasa yang digunakan antaranya ialah sinkof, kiasan, metafora, hiperbola dan alusi. Penggunaan gaya bahasa ini digunakan mengikut kesesuaian binaan ayat dan makna yang ingin disampaikan.

Profesor Syed Mahfuz: Susah! Kalau aku panggil kau Hari, kita bercakap jadi susah nanti. Nanti aku tanya kau, Hari, hari ni hari apa? Atau Hari, 24 haribulan tu hari apa? Atau Hari, hari jadi kau bila? Susahkan? Apa salahnya aku panggil Kari? Kari adalah masakan kegemaran semua orang, Melayu, Cina, India, Punjabi, Mat Salleh pun suka kari. Kau sebagai kari akan jadi manusia yang digemari ramai. Kau tak suka?

Hatta Azad Khan: 2015

Penggunaan gaya bahasa sinkof digunakan yang merujuk kepada pemendekan atau penyingkatan sesuatu perkataan. Sebagai contoh, perkataan kau, ni dan tak digunakan namun tetap memberi makna yang sama.

Penggunaan gaya bahasa kiasan digunakan bagi memperkatakan sesuatu perkara dengan mengiaskannya dengan perkara yang lain seperti kelapa muda dan ditebuk tupai. Kedua-dua contoh ini adalah untuk mengelakkan sesuatu perkara yang tidak manis daripada disebut secara terus-terang.

Ahmad Bakti : Ada kemungkinan abah mengahwini kepala muda yang sudah ditebuk tupai atau gadis yang telah termengadung dan abah dijadikan pak sanggup.

Hatta Azad Khan: 2015

Contohnya, “ditebuk tupai” yang merujuk kepada wanita yang mungkin telah melakukan hubungan sulit dengan lelaki lain tanpa mempunyai hubungan yang sah. Gambaran lelaki yang melakukan hubungan intim tanpa ikatan dikiaskan kepada ditebuk tupai supaya susunan perkataan yang lebih manis dan tidak menyakitkan hati apabila di dengar.

Seterusnya, penggunaan metafora iaitu perbandingan yang menyebut dua hal tanpa menggunakan kata-kata perbandingan. Tujuan penggunaan metafora adalah untuk menggerakkan imaginasi pembaca dengan membandingkan bahasa.

AHMAD BUKHARI: Sebulan kemudian abang ambil cuti empat hari. Dan, selama empat hari empat malam abang bekerja keras turun ke sawah bendang, membajak dan menabur benih di empat penjuru alam. Benih abang tertanam di tanah yang subur, cukup baja, cukup air dan cahaya...

Hatta Azad Khan: 2015

Contohnya, menabur benih yang menunjukkan usaha Ahmad Bakti untuk mendapat zuriat bersama isteri-isterinya bagi memenuhi hajat ibunya. Perkataan “empat penjuru alam” juga merupakan metafora yang merujuk kepada keempat-empat isteri Ahmad Bakti.

Hiperbola memberi gambaran yang berlebih-lebihan terhadap sesuatu yang diperkatakan. Gaya bahasa hiperbola digunakan untuk menarik minat menonton dan mendalami mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Ahmad Bukhari: ... “Mak mengadu pada abang, tapi kata abang, biarlah dia buat kebajikan asalkan dia bahagia. Rupanya memang abah cukup bahagia. Dalam sibuk buat amal jariah, abah bina dua buah surau dalam gelap...”

Hatta Azad Khan: 2015

Contohnya, “bina dua buah surau dalam gelap” yang membawa simbolik kepada poligami atau berkahwin dalam keadaan yang sah di sisi agama Islam. Perkataan surau yang memberi simbolik kepada agama Islam menunjukkan perkahwinan mereka adalah sah di sisi agama dan undang-undang meskipun berkahwin dengan wanita warga asing

Penggunaan gaya bahasa alusi juga digunakan untuk menyindir seseorang namun tidak secara terus terang. Hal ini dapat dilihat melalui watak Kak Gaya yang menyindir Ahmad Bukhari:

Kak Gaya : Dah kira tua tu! Kau nak cari anak dara masak ranum tujuh belas, lapan belas atau dua puluh satu atau dua puluh dua, dah tak ada dah! Dah terlambat, semuanya dah *fully-booked!* Kau nak andartu adalah!

Hatta Azad Khan : 2015

Melalui watak Kak Gaya, sindiran yang disampaikan kepada Ahmad Bukhari jelas kelihatan namun secara berkias. Perkataan yang digunakan iaitu “anak dara masak ranum” yang membawa maksud wanita muda ditujukan kepada anak dara yang masih muda dan belum mendirikan rumah tangga.

#### 4.4 Watak

Dalam teater ini, pengarang mengetengahkan tiga watak utama iaitu Ahmad Bakti, Profesor Syed Mahfuz dan Ahmad Yatim. Terdapat juga beberapa watak sampingan yang memainkan peranan yang penting seperti Ahmad Bukhari, Syarifah Edora, Norma, Habibah, Rozita, Rugayah dan Cik Sepia. Setiap watak memainkan peranan yang penting kerana menjadi penggerak dalam cerita yang ditulis oleh pengarang.

Watak utama dalam teater Menunggu Lampu Hijau iaitu Ahmad Bakti merupakan watak utama yang mempunyai empat isteri iaitu Norma, Habibah, Rozita dan Rugayah dan mempunyai sebelas orang anak. Perwatakkan Ahmad Bakti yang digambarkan seorang yang pemurah, adil dan disenangi oleh orang ramai. Perwatakannya yang disenangi oleh orang ramai dapat dilihat melalui watak Kak Bib :

**KAK BIB:** Abang Bakti pembersih orangnya. Perwatakannya sentiasa tenang, teratur dan prihatin. Dia seorang suami dan bapa yang penyayang, tetapi dia juga tegas dan berdisiplin.

Hatta Azad Khan : 2015

Jelaslah, Ahmad Bakti menunjukkan peribadi yang mulia dengan amanah yang diberikan beliau mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Sifat yang dimiliki olehnya amat disenangi oleh orang di sekeliling serta dapat memudahkan segala urusan.

Professor Syed Mahfuz juga merupakan watak utama yang merupakan seorang guru dan mentor. Perwatakkan beliau yang mementingkan pendidikan meskipun sudah berumur menjadi keutamaan baginya. Ahmad Yatim merupakan seorang yang aktif. Dia bergiat aktif dalam gerakan kebajikan Islam selepas pencen untuk membantu orang lain amat dipandang tinggi oleh masyarakat.

Selanjutnya, Professor Syed Mahfuz merupakan seorang yang mementingkan pendidikan. Beliau menyambung pengajian sehingga ke peringkat PhD dan berjumpa dengan isterinya ketika menjadi tenaga pengajar di sebuah institusi pengajian. Beliau pernah dicalonkan sebagai PhD termuda di fakulti. Meskipun umurnya sudah meningkat, ilmu pengetahuan tetap menjadi keutamaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui:

**AHMAD BUKHARI:** Professor Syed Mahfuz ialah guru saya, *mentor* saya dan kawan baik saya. M.A dan PhD saya di bawah penyeliaannya...

Hatta Azad Khan: 2015

Melalui watak dan perwatakan yang ada dalam diri Professor Syed Mahfuz, dapat dilihat beliau seorang yang mementingkan pendidikan tidak kira usia.

Watak sampingan seperti Syarifah Edora yang telah berkahwin dengan Professor Syed Mahfuz ketika masih muda dan berbeza umur dua belas tahun. Perwatakkanya yang bijak dan seorang wanita yang bekerja di samping memegang tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anaknya.

Professor Syed Mahfuz: ... Cuma janjinya Edora mesti terus belajar hingga tamat diploma.  
Dan gadis itu memang bijak. Diploma enam semester ditamatnya hanya dalam tempoh lima semester.

Hatta Azad Khan: 2015

Selain itu, Syarifah Edora seorang yang berkerjaya. Gelaran ibu dan isteri bukanlah penghalang untuk terus mencipta karier. Masa harus dibahagikan sebaik mungkin agar tanggungjawab yang dipikul dapat dijalankan dengan sebaiknya.

Selain itu, watak Cik Sepia atau Pia yang merupakan isteri kepada Ahmad Yatim. Cik Sepia merupakan seorang yang tegas dalam membuat keputusan dan tabah dalam menerima dugaan serta cacian daripada jiran-jirannya.

Mak: Itu semua bukan cucu aku! Bukan darah daging aku. Aku nak cucu aku daripada zuriat kamu, daripada benih kamu!

Hatta Azad Khan: 2015

Selain itu, Cik Sepia juga seorang yang cekal. Hatinya yang teguh dan tabah menerima cacian daripada jiran-jiran menunjukkan dia seorang menerima dengan hati terbuka meskipun dia tidak dapat menerima hakikat.

#### **4.5 Unsur Kekaguman**

Elemen kekaguman dalam teater ini dapat dilihat dalam aspek kostum, set dan props, kesan khas dan teknik pencahayaan. Dalam teater Menunggu Lampu Hijau menunjukkan penggunaan set adalah sebuah meja dan kerusi pejabat serta sebuah *recliner*. Penggunaan set yang sama dari awal sehingga akhir pementasan berlatar belakangkan seperti ruang tamu.

Ahmad Bukhari sebagai watak utama menggunakan set sepenuhnya untuk mendalami wataknya. Selain itu, penggunaan set menunjukkan suasana yang sebenar dan memudahkan penonton untuk memahami suasana tersebut dengan adanya set yang telah direka oleh pengarang.

Prop merupakan bahan yang digunakan oleh pelakon di atas pentas. Dalam teater Menunggu Lampu Hijau, seorang pelakon yang memainkan semua watak hanya menggunakan selendang sebagai prop di atas pentas. Selendang digunakan pada babak keempat sebagai tilam untuk meletakkan anak Ahmad Bakti. Hal ini dapat dibuktikan melalui dialog Ahmad Bukhari:

AHMAD BUKHARI: Hari Raya tahun seterusnya abang bawa balik beraya bawa kereta mewah dengan empat orang isteri masing-masing meriba anak kecil berusia dua bulan, dua lelaki dan dua perempuan. Dua belas orang anak-anak lain tak ikut. Abang bentang tilam atas lantai ruang tamu dan semua isterinya meletakkan anak masing-masing.

Hatta Azad Khan : 2015

Dialog di atas menunjukkan penggunaan prop yang digunakan oleh pelakon di atas pentas digantikan kepada fungsi yang lain. Selendang yang selalunya dipakai untuk menutup

kepala dan menjadi alat fesyen bagi kaum wanita digunakan sebagai alas atau tilam dalam teater ini.

Kostum merupakan unsur kekaguman yang terpenting kerana ia mempengaruhi penonton. Pemilihan kostum yang sama bagi semua watak kerana seorang pelakon memainkan tiga belas watak. Kostum yang dipadankan oleh semua watak adalah tshirt pagoda butang, seluar slack berwarna hitam, sepasang kasut capal dan sehelai selendang. Namun, bagi empat watak kepada Ahmad Bakti dibezakan dengan cara pemakaian tudung yang dikenakan oleh pelakon.



Gambar 1 : Kostum

Pencahayaan merupakan salah satu elemen visual yang penting dalam teater. Elemen pencahayaan dalam seni bertujuan untuk menerangi tubuh dan pergerakan penari, ia turut memainkan peranan sebagai memberi kesan dramatik dan menarik perhatian. Lampu ditugaskan untuk menimbulkan imej-imej gambaran dan suasana yang dikehendaki oleh teater. Siang-malamnya, pagi-petangnya, di kawasan istana, di bilik rehat atau di sebuah gua, adalah menjadi peranan lampu atau penata-cahaya untuk menghidupkan suasana-suasana itu (Mana Sikana, 1985).

Penggunaan pencahayaan pada permulaan babak teater Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan boleh dilihat melalui :

(Pencahayaan dari tiga penjuru, depan, tepi sebelah kanan dan sedikit ke belakang dari sebelah kiri pentas. Lampu dilengkapi gobos yang menampakkan jaringan tingkap, langsir yang dibuai angin, bayangan seperti dahan dan daun-daun dari pokok, dan lain-lain yang menyarankan perubahan tempat atau lokasi.

Hatta Azad Khan : 2015

Perkara di atas merujuk kepada terdapat penggunaan pencahayaan pada permulaan babak teater Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan. Pencahayaan dari tiga penjuru yang digunakan oleh pengarang dari tiga sisi yang berbeza iaitu depan, belakang dan tepi sebelah pentas adalah untuk penonton memberi tumpuan semasa tayangan teater berlangsung.

Selain itu, pada setiap babak lampu akan menjadi gelap untuk menunjukkan penghabisan pada setiap babak dan akan masuk ke babak yang seterusnya. Hal ini bagi memudahkan penonton untuk memahami cerita pada setiap babak.

#### **4.6 Pencahayaan**

Seterusnya, pencahayaan yang digunakan mempunyai makna tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada penonton. Teknik pencahayaan yang digunakan hendaklah bertepatan dengan suasana dan latar cerita supaya mempunyai kombinasi yang menarik. Sebagai contoh dapat dilihat pada babak keempat :

(Pencahayaan yang meriah dan gemerlap memperlihatkan suasana Hari Raya.)

Hatta Azad Khan : 2015

Merujuk kepada elemen pencahayaan pada babak keempat tersebut, pencahayaan yang meriah menunjukkan suasana Hari Raya kerana pada babak tersebut menceritakan tentang Ahamd Bakti yang kurang disenangi oleh rakan-rakannya menjelang Hari Raya. Hal ini demikian kerana, beliau mempunyai dua belas orang anak-anak dan empat orang isteri.

(Pencahayaan berwarna hijau dengan suasana yang ceria.)

Hatta Azad Khan : 2015

Pada pengakhiran teater Menunggu Lampu Hijau, pencahayaan berwarna hijau bertukar di atas pentas seiring dengan tajuk teater. Pencahayaan saling berkait dengan pembawaan cerita pada setiap babak. Pada babak terakhir ini menunjukkan Profesor Syed Mahfuz yang diberi lampu hijau oleh isterinya iaitu Syarifah Edora untuk berkahwin lagi. Walau bagaimanapun, hajat tidak kesampaian kerana Profesor Syed Mahfuz meninggal dunia ketika berada di pejabat.

Muzik adalah alunan bunyi-bunyian yang dihasilkan daripada alat muzik Teater Menunggu Lampu Hijau menggunakan elemen muzik yang berbeza iaitu muzik pembuka, muzik pengiring, muzik suasana dan muzik penutup. Pemilihan muzik juga penting bagi menghidupkan pementasan agar seiring dengan mood yang dibawa oleh para pelakon.

Penggunaan muzik pembukaan teater Menunggu Lampu Hijau berbunyi sederhana rancak sebelum babak pertama dimulakan. Tujuan penggunaan muzik pada awal teater adalah untuk menarik perhatian penonton supaya dapat memberikan tumpuan kepada pementasan yang akan berlangsung. Pemilihan muzik juga penting bagi menghidupkan pementasan agar seiring dengan mood yang dibawa oleh para pelakon.

Selain itu, pada setiap pengakhiran dan permulaan babak baru muzik dipasang. Hal ini lebih memudahkan penonton untuk memahami pertukaran babak agar pementasan lebih teratur dan mudah difahami oleh penonton. Oleh itu, perjalanan teater Nampak lebih kemas, tersusun serta lancar semasa pementasan berlangsung.

Pada pengakhiran teater Menunggu Lampu Hijau, muzik yang dipasang berbunyi sederhana rancak kerana di akhir cerita Ahmad Bakti berkahwin dengan ibu tunggal seperti yang dihajati oleh abangnya. Seorang lelaki bujang yang sudah berusia akhirnya mendirikan rumah tangga. Mood dan muzik dipadankan dengan baik agar persembahan teater tersebut dapat dihidupkan.

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, dapatan penting daripada analisis yang telah dilakukan berdasarkan enam elemen Aristotle terhadap teater Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan telah dilakukan. Antara aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah enam elemen Aristotle iaitu tema, plot, watak dan perwatakan, bahasa, kekaguman dan muzik. Keenam-enam elemen ini digunakan dalam kajian ini. Pengaplikasian teori enam elemen Aristotle iaitu menumpukan kepada teater Menunggu Lampu Hijau. Fokus utama kajian ini adalah kepada teater karya Hatta Azad Khan iaitu Menunggu Lampu Hijau yang dijadikan sebagai rujukan utama. Melalui pendekatan ini, elemen tema yang meliputi tema poligami, kekeluargaan dan hubungan antara suami dan isteri, elemen plot yang disusun secara tidak kronologi, watak dan perwatakan yang terdiri daripada tiga watak utama dan beberapa watak sampingan, bahasa yang terkandung penggunaan gaya bahasa, elemen kekaguman yang meliputi set dan props, pencahayaan dan kostum serta elemen muzik.

Kesimpulannya, karya Hatta Azad Khan sarat dengan mesej dan pengajaran yang ingin disampaikan melalui teater ini. Teater Menunggu Lampu berpaksikan kepada teori enam elemen Aristotle. Kejayaan atau kegagalan sesebuah karya seni bergantung kepada aspek struktur. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian berkaitan dengan Hatta Azad Khan akan diteruskan supaya dijadikan sebagai rujukan kepada generasi akan datang dengan mempertingkatkan lagi kajian yang sedia ada. Tambahan pula, kajian mengenai teori ini masih kurang dan tidak meluas.

## RUJUKAN

- Ab Samad Kechot & Sabzali Musa Kahn. 2011. Pengurusan Artistik: Kajian Mengenai Peranan Set Selaku Tenaga Kreatif dalam Seni Persembahan Pentas di Malaysia. *Jurnal e-Bangi* 6(2): 124-141.
- Abdul Rahman Hanapiah. 1987. *Drama Moden Malaysia Perkembangan dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aristotle. 1973. *The Poetics*. London: William Heinemann Ltd.
- E.M. Forster. 1987. *Aspek-Aspek Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eric Bentley. 1966. *The Life of Drama*. London: Methuen.
- Fazilah Husin. 2007. Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk dan Struktur Teks Dramatik. Ijazah Sarjana Muda, Univeristi Sains Malaysia.
- Frank M Whiting. *An Introduction to The Theatre*. New York: Happer & Row Publishers.
- Hatta Azad Khan. 2014. *Teater Filem dan Pengurasan Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Azad Khan. 2015. *OTG*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holtan. O. I. 1976. *Introduction to Theatre A Mirror to Nature*. United States of America.
- Ismaliza binti Ishak. 2015. Percaya dan Merasai Kebenaran: Strategi Kaedah Lakonan dalam Monodrama dan Monolog. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia.
- Kamaluddin Abd. Rahman. 2007. *Teater Melayu Suatu Risalah Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lindell Robert. 1969. *A Treaties on The Novel*. London: Jonathan Cape.
- Madzlan bin Abet. 2016. Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya.
- Mana Sikana. 1984. *Berkenalan dengan Drama*. Selangor: Petaling Jaya.
- Mana Sikana. 1985. *Mendekati Drama*. Selangor: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.

- Mana Sikana. 2016. Drama dalam Penskripan, Pementasan dan Kritikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Max Arifin. 1980. *Teater Sebuah Perkenalan Dasar*. Flores: Penerbit Nusa Indah.
- Mohd Shaiful Izham bin Abdul Baseht. 2007. Kajian Perwatakan Melalui Ekspresi Gerak: Sebuah Tari Eksperimental “Salleh Salina” sebagai Kajian Kes. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sarawak.
- Nizila bte Asin. 2007. Pendekatan Pelakon dalam Lontaran Vokal dan Ekspresi Wajah Watak Lakonan Monolog. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sarawak.
- Nor Rahainah Husain. 2007. Analisa Skrip Terhadap Cerita Wayang Kulit Kelantan Kajian Skrip ‘Jintan Mas’. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sarawak.
- Rahmah Bujang. 1994. *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari & Shariff Shaari. *Sandera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Safiah Hussain. 1988. Glosari Istilah Kesusasteraan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.